

Air atas bukit

Penduduk hadapi banjir lumpur tanggung rugi akibat barangan elektrik rosak

FOTO | Chan Wai Yew

>>Oleh Nurasyikin Ramli
am@hmetro.com.my

GOMBAK: "Dalam dua tahun sudah tiga kali saya mengganti mesin basuh akibat banjir lumpur di sini.

"Sejak pembinaan bangunan di atas bukit itu, keadaan semakin buruk menyebabkan kami berjaga-jaga setiap kali hujan lebat untuk mengangkat barang ke tempat tinggi," kata Asni Anuar, 40, penduduk Kampung Sungai Kertas, Batu Caves di sini, yang sering dilanda banjir lumpur.

Menurutnya, kerugian ditanggungnya melebihi RM5,000 termasuk memerah keringat membasuh lumpur yang melekat di dinding dan lantai rumahnya serta kediaman ibunya, Azizah Mohd Said, 60, berhampiran.

Katanya, sejak mendiami kawasan itu 30 tahun lalu, banjir lumpur tidak berlaku sebelum



LIHAT...
seorang penduduk menunjukkan kawasan yang didakwa menyebabkan masalah banjir lumpur berlaku.

JUALAN GUDANG

07-09 DECEMBER 2012 • 10AM - 6PM

*Tertakluk kepada Terma & Syarat

ARISTON




Buatan Italy

FRANKE

Peralatan dari Switzerland

NOBILIA
RUBINETTERIE

in sink erator



* DISKAUN SETINGGI

50%



A300
I-SHAPE
3000mm

For this combination
RM2,550



B150-255
L-SHAPE
1500 x 2550mm

For this combination
RM2,719

PROMOSI ISTIMEWA
BELI BAUCER
**BERNILAI RM500
HANYA PADA RM300**

kubiq

Lot 2, Jalan Teknologi 3/7, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Kubiq Sdn. Bhd.
Tel: +603-6148 8929
Fax: +603-6286 7101

Signature Obicorp Sdn. Bhd.
Tel: +603-6286 7000

DISKAUN HEBAT UNTUK
**KABINET, PERALATAN
DAN AKSESORI DAPUR**

Kami disini!



HOTLINE: 1300 88 9000

pembinaan bangunan persendirian dua tingkat di situ bermula, tiga tahun lalu.

"Kasihannya emak terpaksa mengemas rumah akibat air berlumpur membanjiri rumah manakala barangan kesayangan dibuang begitu saja.

"Arus deras ketika banjir mengancam keselamatan kerana almari barang tumbang dan kami kerap ganti barang elektrik yang rosak," katanya.

Ahmad Talut, 51, mendakwa pembinaan di atas bukit itu tidak menepati spesifikasi kerana pemilik tanah tidak membina tembok serta longkang saliran di kawasan bawah bukit.

"Saya bina benteng sendiri dan mengeluarkan modal membuat longkang bagi mengelak air berlumpur memasuki kawasan rumah, namun jiran mengalami masalah banjir lumpur yang sangat teruk.

"Pengalaman dalam bidang pembinaan lebih 30 tahun mendapati pemilik tanah tidak mengikut syarat pembinaan ditetapkan," katanya.

Menurutnya, dia membuat aduan mengenai pembinaan itu kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kerana menyusahkan penduduk di kawasan rendah terutama ketika hujan lebat.

"Pertembungan air bukit dan sungai menjadikan takungan air tinggi dan menyebabkan banjir kilat di kawasan ini.

"Pembinaan rumah dan menambak tanah tanpa menepati piawaian kerja tanah menyebabkan rumah kami dinaiki air berlumpur," katanya.

Sulaiman Yaakub, 46, berkata, rumahnya kerap dinaiki air berlumpur menyebabkan mereka sekeluarga membuang barang keperluan di dalam rumah seperti tilam dan almari.

"Sehingga kini saya tidak ganti lagi kerana pasti air membanjiri lagi rumah kami dan merosakkan barang itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, pihaknya sudah menyaman pemilik lot tanah itu kerana melakukan pembinaan haram.

"Pemilik diminta membina tembok serta saliran kerana pernah kejadian runtuh tanah. MPS akan memantau semula pembinaan di sana untuk memastikan pemilik mengikut piawaian ditetapkan," katanya.